

SOALAN NO: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN

TARIKH: 8 MAC 2017

SOALAN:

Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian dalam mengatasi masalah peningkatan kemalangan dalam perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja.

PR-1351-L00082

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

1. Bagi tahun 2016, sejumlah 31,314 kes kemalangan dalam perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja telah dilaporkan kepada PERKESO di seluruh negara berbanding 28,037 kes yang telah dilaporkan sehingga Disember 2015 iaitu peningkatan sebanyak 9.57% atau 2,735 kes.

2. Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan seperti Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Majlis Negara Bagi Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP), termasuk badan-badan NGO seperti MBAM (*Master Builder Association of Malaysia*), MSOSH (*Malaysian Society of Occupational and Health*), Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Persekutuan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Pertubuhan Profesional Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MOSHPA) dan sebagainya akan terus mempergiatkan usaha melaksanakan program-program kesedaran kemalangan perjalanan. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti Kempen Perjalanan Selamat, penerbitan video keselamatan, siri televisyen berkonsepkan perjalanan selamat dan pencegahan bencana kerja, mengedarkan topi keledar kepada pekerja yang menaiki motosikal, penyediaan garis panduan perjalanan selamat bersama SIRIM, program sokongan keselamatan perjalanan kepada 15 majikan terpilih dan lain-lain.

3. Pihak NIOSH dengan kerjasama PERKESO berusaha mengatasi masalah peningkatan kemalangan dalam perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja dengan menyediakan Program Latihan Khusus bagi melatih pekerja-pekerja yang berulang-alik dari rumah ke tempat kerja serta mereka yang bertugas sebagai pemandu.

4. Program latihan ini merangkumi aspek-aspek keselamatan di jalan raya, keperluan mematuhi undang-undang, kaedah pemanduan selamat dan berhemah diikuti dengan latihan praktikal.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN ABD
HAMID (B) [LUMUT]**

TARIKH : 8.3.2017 (RABU)

SOALAN : 38

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan justifikasi kukuh yang
mengizinkan UNIKL dan MARA menaja pasukan bola
sepak The Red Warrior (Kelantan) hingga menjejaskan
pinjaman untuk pelajar-pelajar.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, UniKL merupakan antara anak syarikat di bawah MARA yang menyediakan laluan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET). Sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), UniKL sememangnya mempunyai bajet operasi khusus bagi tujuan aktiviti promosi untuk melonjakkan lagi imej korporatnya di samping melebarluaskan aktiviti pemasaran yang menyeluruh.

UniKL turut memfokuskan kepada usaha-usaha penjenamaan yang dekat dengan kumpulan sasaran iaitu golongan belia. Antaranya dengan mengukuhkan jenama UniKL melalui strategi penajaan di media cetak dan elektronik serta penajaan bidang sukan.

Hasil daripada pelaksanaan strategi ini, UniKL berjaya meningkatkan imej dan jenama UniKL sebagai institusi TVET terulung negara. Perangkaan menunjukkan terdapat pertambahan pelajar ke UniKL selepas pelbagai aktiviti promosi dijalankan. Ini dapat dilihat pada tahun 2013 dengan jumlah kemasukan pelajar

ke UniKL adalah seramai 22,911 orang. Manakala bagi tahun 2014, kemasukan pelajar bertambah kepada 26,265 orang dan terus meningkat kepada 28,109 orang pada tahun 2015.

Urusan pemberian pinjaman pelajaran MARA kepada pelajar IPMa diuruskan sepenuhnya oleh MARA menggunakan peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan.